

MB Pahang: Rundingan penentuan hari ini...

Oleh JAMALUDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Jumaat—Kemungkinan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Pahang akan diketahui esok apabila beliau menemui Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Haji Abdul Rahim akan mengadakan perbincangan dari hati ke hati dengan Perdana Menteri mulai jam 9 pagi.

Sumber-sumber berkata kemungkinan Haji Abdul Rahim meletakkan jawatan mungkin tidak dapat dielakkan memandangkan keadaan politik negeri Pahang itu sendiri.

"Masalah ini terlalu sensitif untuk dibincangkan tetapi perletakan jawatan tersebut adalah perlu untuk mengelakkan sebarang perkara tidak diingini berlaku.

Menurutnya lagi, jika Haji Abdul Rahim meletakkan jawatan ini bukan bermakna beliau tidak dapat mengendalikan pentadbiran negeri Pahang tetapi semata-mata suasana tidak mengizinnnya," tambah sumber tersebut.

Bagaimanapun, jurucakap di Jabatan Perdana Menteri mengesahkan bahawa Haji Abdul Rahim akan menemui Perdana Menteri pagi esok.

"Satu kenyataan akan dikeluarkan selepas pertemuan tersebut," katanya.

Haji Abdul Rahim telah pun berada di Ibukota untuk menemui Perdana Menteri esok.

Sementara itu laporan Farush Khan dari Kuantan pula menyatakan, Haji Abdul Rahim tidak akan mengambil cuti sebaliknya akan meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar serta merta sekiranya beliau dikehendaki mengundurkan diri.

Bagaimanapun, pemerhati politik berpendapat Haji Abdul Rahim,

akan menimbangkan setiap faktor sebelum membuat keputusan meletakkan jawatan.

Beliau dilantik menjadi Menteri Besar Pahang tiga tahun lalu ketika Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri.

Beberapa kali usaha untuk mengguling Haji Abdul Rahim telah dijalankan tetapi tidak berjaya.

Namun demikian terdapat ramai ahli UMNO masih tidak percaya bahawa Haji Abdul Rahim akan meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia